

23/04/1999

KDNK 5 peratus tahun depan

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) akan mencatat pertumbuhan lima peratus tahun depan selepas mengalami aliran positif pada kadar satu peratus tahun ini.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan menambah RM22 bilion lagi untuk membiayai pelbagai rancangan pembangunan negara mengikut kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) bagi mempercepatkan pemulihan ekonomi dan mengembalikannya kepada pertumbuhan mapan.

Tambahan itu menjadikan keseluruhan peruntukan RM-7 (1996-2000) berjumlah RM89.5 bilion berbanding RM67.5 bilion ketika dibentangkan, tiga tahun lalu.

Membentangkan kajian separuh penggal RM-7 di Dewan Rakyat, hari ini, Dr Mahathir berkata, 48.2 peratus daripada peruntukan tambahan itu adalah untuk sektor ekonomi, sosial (30.9 peratus), keselamatan (12.8 peratus) dan pentadbiran am (8.1 peratus).

Melihat prospek masa depan, Dr Mahathir yakin jalan ke arah pemulihan ekonomi negara adalah jelas berdasarkan semua faktor yang ada.

"Dasar tidak konvensional yang dilaksanakan menunjukkan hasil menggalakkan tetapi ini memerlukan masa untuk membuahkan hasil sepenuhnya.

"Saya yakin negara kita sekali lagi akan mencapai pertumbuhan ekonomi yang sihat pada kadar inflasi rendah dengan rakyat menikmati kualiti hidup yang lebih baik, Insya-Allah," katanya.

Menurutnya, senario optimistik itu juga berasaskan perkembangan positif dalam permintaan agregat, jangkaan pertumbuhan pengeluaran sektor ekonomi, lebihan dalam imbalan pembayaran dan tabungan mencukupi untuk memenuhi keperluan pelaburan.

"Di samping itu, prospek ekonomi dunia juga dijangka menggalakkan dengan purata pertumbuhan 2.3 peratus bagi tempoh 1999-2000," katanya dalam ucapan lebih sejam yang disiarkan secara langsung oleh TV1 dan Radio Malaysia.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, semua langkah untuk mencapai aspirasi negara hanya boleh dicapai, jika semua pihak memainkan peranan masing-masing dengan penuh tanggungjawab.

"Ini juga ialah peluang keemasan kepada kita untuk membuktikan kepada dunia, terutama kepada pengkritik dan skeptik bahawa kita sebagai satu kumpulan masyarakat yang bersatu padu, boleh melakukannya, berlandaskan semangat 'Malaysia Boleh'," katanya.

Pada sidang akhbar selepas itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan juga mungkin menerbitkan bon kedaulatan bagi mengumpul dana asing untuk membiayai pelbagai rancangan pembangunan negara yang digariskan dalam kajian separuh penggal RM-7).

Selain bon asing, kata Perdana Menteri, kerajaan akan membiayai peruntukan tambahan sebanyak RM22 bilion itu menerusi sumber kewangan dalam negara.

"Kita merancang mengumpul RM8 bilion melalui bon asing dengan sebahagian besar (akan diperolehi) sumber dalaman.

"Kita ada rancangan untuk pinjam dari luar negara (jadi) soal pembiayaan dijangka tidak menjadi masalah. Kita mempunyai cukup punca dan rancangan ke arah mengumpul dana itu," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan menghantar rombongan penerangan untuk mengumpul dana di luar negara tidak lama lagi.

"Bagaimanapun, saya ingin menekankan bahawa kita mempunyai sumber yang

mencukupi di dalam negara," katanya.

Ditanya mengapa kerajaan perlu menghantar rombongan ke luar negara jika memiliki sumber dalaman mencukupi, Perdana Menteri berkata, langkah itu penting untuk membuktikan penarafan negara adalah berdasarkan kesanggupan dana asing memperoleh bon Malaysia.

Mengenai perkembangan terkini isu pasaran tidak rasmi Singapura bagi saham Malaysia atau Central Limit Order Book (Clob) yang dihentikan 14 September lalu, Dr Mahathir berkata, perkara itu sedang dikaji Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

"Ia adalah sesuatu yang kedua-dua badan itu sedang kaji, untuk memastikan ia tidak menjejaskan pasaran saham tempatan. Kita semakin hampir menemui penyelesaiannya," katanya.

(END)